

## **KAUNSELING PENYALAHGUNAAN DADAH: CABARAN KAUNSELOR SEKOLAH MENENGAH DI BAHAGIAN KUCHING, SARAWAK**

\*Mahran Bin Daem, Guan Teik Ee, & Carmella E. Ading

Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah

\*Corresponding author's e-mail: mahran.dm@gmail.com

*Received date: 1 August 2020; Accepted date: 8 September 2020*

**Abstract:** This study aims to discover the challenges faced by high school counsellors who are confronted with the increasing number of students involved with drugs. Subsequently, this study investigates the difficulties faced by the counsellors, students' acceptance of counsellors and the barriers faced when conducting the counselling sessions. Qualitative studies have been conducted to answer these questions. Semi-structured interviews will be used to obtain relevant information and the focus of the study involves high school counsellors who have conducted drug abuse counselling sessions at least once and have served in Kuching, Sarawak. Seven participants were involved in this interview and 6 questions were asked namely i) the difficulties faced when conducting the sessions, ii) the implementation procedures iii) students' reactions iv) barriers from students v) counselling limitations vi) the manner of conducting the drug counselling sessions. The results of the study can help school counsellors to better understand and be prepared to deal with students involved with drug abuse.

**Keywords:** Challenge, Drug Abuse Counselling, Counsellor, High School

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui cabaran yang dilalui oleh kaunselor sekolah menengah yang kian mencabar dengan peningkatan jumlah murid yang terlibat dengan dadah semakin tinggi. Sehubungan itu kajian ini mengkaji apakah kesukaran yang dihadapi, penerimaan murid terhadap kaunselor dan halangan kompetensi ketika melaksanakan sesi kaunseling. Kajian berbentuk kualitatif telah dijalankan untuk menjawab persoalan tersebut. Temubual berbentuk separa struktur akan digunakan

untuk mendapatkan maklumat berkaitan dan fokus kajian melibatkan kaunselor sekolah menengah yang pernah menjalankan sesi kaunseling penyalahgunaan dadah sekurang-kurangnya sekali serta berkhidmat di bahagian Kuching, Sarawak. Tujuh orang peserta telah terlibat dalam temubual ini dan terdapat 6 soalan yang telah dikemukakan iaitu i) kesukaran ketika melaksanakan sesi, ii) prosedur pelaksanaan iii) reaksi murid iv) halangan daripada murid v) limitasi kaunseling vi) pengendalian sesi kaunseling dadah. Hasil kajian yang telah dijalankan dapat membantu kaunselor sekolah untuk lebih memahami dan membuat persediaan untuk berhadapan dengan murid yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

**Kata kunci: Cabaran, Kaunseling Penyalahgunaan Dadah, Kaunselor, Sekolah Menengah**

## **PENGENALAN**

Permasalahan dadah merupakan fenomena sosial yang amat mengancam keselamatan dan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Masalah ini juga merupakan salah satu gejala sosial yang paling membimbangkan di Malaysia sehingga telah diisytiharkan oleh kerajaan pada tahun 1983 sebagai musuh nombor satu negara (AADK, 2008). Hal ini juga menjadikan satu cabaran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani isu ini bermula dari peringkat remaja. Semestinya guru bimbingan dan kaunseling (GBK) antara barisan hadapan bagi memberikan maklumat, melaksanakan program intervensi dan juga menjalankan sesi kaunseling kepada murid yang terlibat dengan dadah. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 1997 menyatakan bahawa kaunseling merupakan kaedah utama yang digunakan dalam usaha memulihkan penagihan. Melalui kaunseling, individu tersebut akan dibantu membina kemahiran menguruskan tekanan, kebimbangan serta penyesuaian diri dalam masyarakat selain menyelesaikan masalah peribadi untuk mendorong mereka membina kehidupan baharu.

Pada tahun 2018 jumlah tangkapan penagihan dadah golongan remaja oleh AADK iaitu usia diantara 13-18 tahun di seluruh Malaysia seramai 541 orang. Walaupun mencatat sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya namun ianya masih dalam keadaan yang serius. Tambahan pula apabila statistik yang dikeluarkan pada tahun 2018 menunjukkan seramai 1709 orang murid sekolah menengah telah positif dadah di seluruh Malaysia (dan Sarawak merupakan negeri yang mencatatkan

jumlah tertinggi iaitu seramai 301 orang (Sinar Harian, 2019) . Laporan yang sama menunjukkan satu trend peralihan daripada penagihan dadah jenis tradisional kepada dadah sintetik iaitu methamphetamine atau dikenali sebagai syabu.

Sememangnya permasalahan penyalahgunaan dadah merupakan satu krisis yang perlu ditangani bersama dan memerlukan kerjasama kementerian dan agensi. Mengikut Program Pengawalan Dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) menyenaraikan Malaysia terletak di tempat ke lima dirantau Asia Tenggara mempunyai bilangan penagih paling ramai (Mahyuddin & Azizah, 2011). Senario ini memperlihatkan bahawa penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan murid sekolah bukan satu perkara yang baru tetapi masih lagi berlanjutan sehingga kini. Bagi memastikan kesejahteraan dan generasi yang membina Malaysia di masa akan datang adalah penting untuk melahirkan murid yang bebas daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Kaunseling penyalahgunaan dadah dalam kajian adalah merujuk kepada satu pertemuan antara kaunselor dan klien yang bermasalah penyalahgunaan dadah iaitu murid sekolah menengah dalam beberapa sesi kaunseling bagi dapat mencapai alternatif terbaik untuk individu mengatasi masalah penyalahgunaan dadah yang dihadapi agar dirinya dapat berfungsi dengan lebih berkesan di alam persekitarannya.

Kaunselor dalam kajian ini pula merujuk kepada seseorang individu yang pernah menjalani sesi kaunseling penyalahgunaan dadah di sekolah sekurang-kurangnya satu kali dan merujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling yang mempunyai asas kaunseling serta menggunakan teori kaunseling.

### **Pernyataan Masalah**

Statistik yang dikeluarkan oleh AADK dalam buku Maklumat Dadah 2019 jelas menunjukkan angka tiga tahun kebelakangan ini agak membimbangkan dimana murid sekolah yang positif urin di Malaysia agak tinggi. Pada tahun 2017 sahaja, terdapat 1750 orang murid yang telah positif dadah manakala tahun 2018 pula seramai 1386 orang. Tahun 2018 mencatatkan sedikit penurunan pada tahun sebelumnya iaitu 1264 orang. Pada tahun 2017, mencatatkan rekod 62 orang murid di Sabah positif urin

dan 280 orang di negeri Sarawak. Bagi senarai sekolah berisiko yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019 pula, sekolah di Sarawak mencatatkan 92 sekolah yang telah dikenalpasti. Bahagian Kuching sahaja mencatatkan 24 buah sekolah di mana bahagian paling banyak sekolah yang terlibat berbanding dengan bahagian yang lain. Suradi Salim (1993) menjelaskan masalah keruntuhan moral dalam kalangan murid memerlukan perhatian yang secukupnya dan satu perancangan yang teliti harus disediakan oleh pihak sekolah dalam usaha menangani masalah ini.

Faktor murid yang berada di sekolah berisiko juga meningkatkan lagi kemungkinan pengambilan dadah oleh murid seperti yang dinyatakan oleh *Substance Abuse and Mental Health Services Administration, Centres for Substance Abuse Prevention* pada tahun 1999 (dalam Sapora Sipon, 2012) menjelaskan bahawa faktor-faktor sekolah seperti kegagalan pencapaian di sekolah, persekitaran sekolah yang tidak selamat dan kacau bilau, dan kekurangan harapan yang tinggi daripada cikgu turut mempengaruhi penyalahgunaan bahan di kalangan remaja. Brown, Myers, Mott dan Vik (1994) pula melaporkan bahawa peningkatan penyalahgunaan bahan di kalangan remaja berhubung rapat dengan pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Brown, Catalano, Fleming, Haggerty, dan Abbott (2005) juga melaporkan bahawa kegagalan dalam akademik merupakan salah satu faktor yang berisiko dalam peningkatan penyalahgunaan bahan di kalangan remaja. Menurut Bahr, Hoffmann, dan Yang (2005), pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor yang berisiko tinggi dalam menyebabkan penyalahgunaan bahan di kalangan remaja. Remaja yang mempunyai kawan-kawan rapat yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan lebih berkemungkinan untuk terlibat sama dalam gejala tersebut.

Sapora Sipon (2012) menyatakan melalui aspek bantuan, seorang kaunselor sekolah didapati boleh membantu seorang murid bermasalah kerana mereka memiliki teknik-teknik kemahiran yang sesuai dengan pernyataan sesuatu masalah. Stickel (dalam Sapora Sipon, 2012) menyatakan dalam kajiannya amat menitikberatkan penglibatan kaunselor dalam aspek tersebut dan menurut beliau sesetengah murid tidak boleh didenda serta murid ini bersedia berubah apabila kaunselor menjalankan proses rundingan mengenai masalah yang mereka hadapi. Cara ini dilihat lebih sesuai kerana kaunselor dianggap sebagai orang yang lebih rapat dengan murid tersebut sebagai *student advocate*. Justeru itu, tugas

kaunselor sekolah begitu jelas bagi menyumbang pengurangan gejala ini dengan memiliki teknik dan kemahiran yang sesuai terutamanya dengan penyalahgunaan dadah.

Cabaran mengendalikan sesi kaunseling bersama murid positif dadah bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Lasimon Matokrem (2007) menyatakan bahawa dalam membantu klien untuk mempraktikkan gaya hidup bebas dadah melalui program *recovery* yang komprehensif, kaunselor seringkali berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Tambahnya lagi, cabaran-cabaran ini bukan sahaja timbul daripada klien, tetapi juga berpunca daripada kaunselor sendiri dan keadaan persekitaran sosial yang berbeza. Kajian Johari (2009) menyatakan kurang yakin ditangani kerana empat faktor utama iaitu: (1) kurangnya garis panduan yang jelas atau tidak ada langsung bagi menanganinya, (2) kurangnya kemahiran asas, pengalaman dan pengetahuan bagi menanganinya, (3) kurang sokongan dan kerjasama dari pihak pentadbir dan alasan utama yang diberikan ialah ‘boleh memburukkan nama baik sekolah’ dan (4) melibatkan banyak pihak dan dianggap pentadbir sebagai rumit seperti melibatkan pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Oleh sebab itu, kajian ini mengkaji mengenai cabaran, penerimaan murid itu sendiri serta halangan kompetensi kaunselor itu sendiri apabila berhadapan dengan klien penyalahgunaan dadah.

### **Persoalan Kajian**

Pengalaman penulis yang terlibat dalam secara langsung dalam bidang bimbingan dan kaunseling di sekolah mengutarakan tiga soalan kajian yang berikut:

1. Apakah kesukaran yang dihadapi kaunselor di sekolah untuk menjalankan sesi kaunseling dadah?
2. Bagaimanakah penerimaan murid positif dadah terhadap sesi kaunseling yang dijalankan?
3. Apakah halangan kompetensi kaunselor ketika melaksanakan sesi kaunseling dadah

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui cabaran yang dilalui kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling penyalahgunaan dadah di sekolah menengah. Disamping itu kajian ini memberikan satu pendedahan kepada kaunselor bagi meningkatkan kompetensi untuk menjalankan sesi

kaunseling penyalahgunaan dadah dengan berkesan untuk menghadapi musuh nombor satu Malaysia ini.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya dilakukan kepada kaunselor sekolah di Kuching, Sarawak sahaja dan tidak melibatkan bahagian yang lain. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada kaunselor yang pernah menjalankan sesi kaunseling kepada murid sekurang-kurangnya sekali dalam perkhidmatan mereka.

### **SOROTAN LITERATUR**

Kebanyakan kajian lepas banyak tertumpu kepada kesesuaian penggunaan teori dan aspek latihan kaunselor. Sementara itu Mohamed Sharif dan Mohd Tajuddin (2003) membincangkan mengenai keperluan pengetahuan dan kemahiran khusus seperti model teori dan pendekatan kaunseling yang berbeza untuk etnik yang berlainan berkaitan dengan kekeluargaan masyarakat di Malaysia. Amla (2001) turut membincangkan ketidakseragaman program kaunseling di institusi latihan kaunselor di Malaysia yang telah mewujudkan perbezaan pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori di kalangan kaunselor di negara ini. Pengetahuan teori kaunseling penting kerana ia menunjukkan bagaimana kaunselor mengkonsepsikan masalah klien berdasarkan tingkah laku sekarang dan akan datang.

Mohd Nasir et.al (2015) menyatakan sekiranya remaja bermasalah ini tidak diberi bantuan awal untuk membendung tingkah laku bermasalah khususnya mengambil dadah dan ketagihan dadah, remaja ini akan berisiko untuk terlibat dalam pelbagai tingkah laku bermasalah yang lebih serius pada masa akan datang. Kajian ini telah dapat mengenalpasti remaja berisiko mengambil dadah khususnya di sekolah, dan tindakan seterusnya agar dapat melaksanakan proses intervensi pencegahan dan perkembangan secara lebih sistematik untuk membantu mereka.

Mhd Subhan, Salleh dan Wan Syarmiella (2014) menyatakan di pelbagai sekolah profesi kaunseling yang belum bersepadu banyak menimbulkan hambatan pentadbiran. Terutamanya dalam tugas yang tidak jelas dan malahan ada yang mengetahui tugasnya tapi tidak mahu menjalankan tugasnya dgn baik. Hal inilah yang menimbulkan persepsi bahawa kaunseling adalah suatu yang dapat dilakukan tanpa persiapan terlebih

dahulu dan tanpa ketrampilan yang khusus. Hasil kajian Merikan, Faizah dan Zainal Abidin (2017) mendapati terdapat enam tema utama yang menjadi isu dan cabaran yang dihadapi oleh kaunselor yang berkhidmat di institusi penjagaan kesihatan iaitu peranan kaunselor (24.6%), limitasi perkhidmatan (22.8%) kelayakan kaunselor (19.3%), aplikasi perkhidmatan kaunseling kesihatan (15.5%), cadangan penambahbaikan perkhidmatan (14%) dan keperluan garis panduan (3.8%)

Kebanyakan kajian lepas banyak tertumpu kepada kesesuaian penggunaan teori dan aspek latihan kaunselor. Mohamed Sharif dan Mohd Tajuddin (2003) membincangkan mengenai keperluan pengetahuan dan kemahiran khusus seperti model teori dan pendekatan kaunseling yang berbeza untuk etnik yang berlainan berkaitan dengan kekeluargaan masyarakat di Malaysia.

Lasimon Matokrem (2007) menyatakan kaunseling penagihan dadah adalah memberi fokus untuk menolong klien mencapai beberapa matlamat utama. Antaranya supaya klien memahami dan mengakui bahawa penagihan dadah adalah sejenis penyakit biopsikososial; klien dapat mencapai tahap bebas dadah sepanjang hayat (*abstinence*) daripada segala bentuk dorongan, keinginan dan desakan minda terhadap dadah; klien boleh membina program kepulihan yang berterusan untuk mengekalkan tahap bebas dadah; klien boleh membina *coping skills* untuk membuat penilaian dan mengatasi masalah-masalah atau keadaan yang boleh menghalang proses kepulihannya; dan klien dapat memulihkan dan mengembalikan semula fungsi psikososialnya yang terjejas akibat daripada penagihan seterusnya mengamalkan gaya hidup yang sihat tanpa dadah (*sobriety-based life style*).

Satu kajian yang dijalankan oleh Ku Suhaila Ku Johari (2015) menyatakan kaunselor merupakan profesional yang memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Secara tidak langsung, peranan kaunselor sekolah berkait rapat bagi mengisi keperluan negara maju 2020 serta membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berperibadi mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Berdasarkan kajian Puteri Hayati dan Mohd Azhar (2011) pendekatan kaunseling individu bersifat tradisional yang dijalankan tidak dapat menangani ketidakpastian, percanggahan tentang apa yang dialami oleh

penagih.. Penagih yang menjalani rawatan pemulihan sering dilihat sebagai mengelak untuk mengubah tingkahlaku, mengalami ketidakpastian terhadap proses berubah dan tidak bermotivasi untuk menjalankan usaha (DiClemente, 1999).

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temubual semi struktur kerana bersesuaian untuk mengkaji pengalaman subjektif manusia dan memahami makna-makna dan pentafsiran yang dipunyai individu dalam konteks kehidupan mereka. Seramai 7 orang kaunselor sekolah menengah di bahagian Kuching, Sarawak telah menjadi peserta untuk kajian yang mana pernah melakukan sesi kaunseling sekurang-kurangnya satu orang murid positif dadah. Penentuan dan pemilihan peserta kajian adalah berasaskan tujuan dan soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan lebih awal. Pemilihan peserta secara bertujuan atau *purposeful sampling* dan setiap sesi dirakam dan ditranskrip.

Soalan ditentukan terlebih dahulu dalam kajian ini, namun jawapan kepada soalan adalah bersifat terbuka dan pengkaji memastikan jawapan boleh dikembangkan mengikut cara perbualan dan budi bicara peserta. Data dijana menggunakan temu bual dengan peserta secara bersemuka. Data yang diperolehi daripada sesi temubual ditranskripkan, dianalisa menggunakan Analisis Kandungan Tema (*Thematic Content Analysis*). Penyelidik membuat kelompok fakta-fakta yang telah dianalisis mengikut tema-tema tertentu. Kesahan dalaman kajian ini adalah berkaitan dapatan kajian ini samada ianya sejajar dengan pengalaman peserta yang telah menjalankan sesi kaunseling bersama murid positif urin yang terlibat dengan dadah. Kajian ini mempunyai kesahan dalaman kerana jawapan peserta terhadap kesukaran yang dialami di sekolah, penerimaan murid ketika sesi dan halangan kompetensi boleh dipercayai kerana mereka merupakan kaunselor yang sebenar yang telah menjalankan sesi kaunseling pemulihan dadah.

Pengkaji memilih sekolah di sekitar bahagian Kuching, Sarawak berdasarkan data sekolah berisiko yang banyak terdapat di bahagian tersebut. Data daripada AADK yang diperolehi dari ujian saringan air

kencing yang positif di negeri Sarawak pada tahun 2018 seramai 301 orang, manakala tahun lepas 274 orang. Bagi senarai sekolah berisiko yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019 pula, sekolah di Sarawak mencatatkan 92 sekolah yang telah dikenalpasti. Bahagian Kuching sahaja mencatatkan 24 buah sekolah di mana bahagian paling banyak sekolah yang terlibat berbanding dengan bahagian yang lain.

## **DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN**

### **Demografi**

Seramai 7 orang peserta telah dipilih setelah memenuhi kriteria yang diperlukan bagi kajian ini. Kesemua berusia di antara 31 sehingga 53 tahun dan mempunyai pengalaman bekerja diantara 6 hingga ke 28 tahun sebagai kaunselor.

Jadual 1: Ciri-Ciri Demografi Peserta

<b>Ciri-ciri</b>	<b>Frekuensi</b>
Umur (tahun)	
• 31-40	5
• 40-50	1
• >50	1
Bangsa	
• Melayu	4
• Cina	2
• Dusun	1
Tempoh berkhidmat sebagai kaunselor	
• 1-10	2
• 11-20	3
• 21-30	2
Bilangan murid kaunseling penyalahgunaan dadah	
• 1-10 orang	4
• 11-20 orang	2
• >20 orang	1

### **Kesukaran Yang Dihadapi Kaunselor Di Sekolah Untuk Menjalankan Sesi Kaunseling Dadah**

Jadual 2 : Kesukaran Melaksanakan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah (Soalan 1)

	<b>Tema</b>	<b>Peserta</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Persepsi persekitaran	1,3,4,7	4	57%
2.	Sikap Murid			

3.	Pengetahuan Kaunselor	2,3,4 5,7	3 2	42% 28%
----	-----------------------	--------------	--------	------------

Tema utama yang terhasil daripada penerokaan mengenai kesukaran (Jadual 2) dalam melaksanakan sesi kaunseling berkaitan dengan penyalahgunaan dadah adalah sebahagian besar iaitu 4 peserta (57%) menyatakan bahawa persepsi persekitaran merupakan satu cabaran yang dilalui apabila di sekolah. 3 peserta (42%) pula menyatakan bahawa kesukaran pada murid itu sendiri. Hanya 2 orang peserta (28%) menyatakan bahawa tiada pengetahuan antara penyebab kesukaran tersebut muncul seperti yang disebutkan oleh peserta 5; *“Tapi jujurnya saya agak kurang mengetahui cara bagaimana untuk melakukan sesi yang sebenar kepada murid yang terlibat ni”*. Penekanan mengenai persepsi dari persekitaran ini turut dijelaskan dan dinyatakan oleh peserta 1; *“Klien berasa tidak selesa dan insecure kerana terdapat pandangan daripada rakan-rakan klien semasa dipanggil ke bilik kaunseling”*. Peserta 2 menegaskan secara ringkas bagi beliau sikap murid itu sendiri; *“..adalah sukar mendapat kerjasama dan kepercayaan daripada murid kerana GBK (Guru Bimbingan dan Kaunseling) yang menguruskan Ujian Urin bersama dengan AADK. Dari segi pemikiran murid, mereka beranggapan bahawa GBK yang mencalonkan nama mereka untuk diuji.”*

Berdasarkan analisis dapatan menunjukkan sebahagian menyatakan bahawa cabaran persepsi daripada orang pesekitaran merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh kaunselor sekolah. Hal ini selaras dengan Ahmad Syukri, Paimah & Rozeyta (2004) yang mendapati hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti masyarakat umum hanya mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap penagih dadah. Fakta ini menunjukkan masih ramai di kalangan masyarakat yang masih mempunyai sikap prejudis terhadap penagih dadah menyebabkan wujud jurang antara para penagih dengan masyarakat.

**Jadual 3: Prosedur untuk Melaksanakan Sesi Penyalahgunaan Dadah (Soalan 2)**

Tema	Peserta	Kekerapan	Peratus
1. Membantu	1,2,3,4,5,7	6	85%
2. Tiada kerjasama	1,6	2	28%

Berdasarkan jadual 3, peserta kajian menyatakan bahawa prosedur yang diberikan kepada mereka amat membantu dalam pengurusan sesi

kaunseling penyalahgunaan dadah. Justeru itu, majoriti iaitu 5 orang peserta (85%) menyatakan prosedur tidak memberikan satu halangan malah amat membantu seperti yang dikatakan oleh peserta 3; *“Prosedur untuk sesi penyalahgunaan dadah disekolah sangat membantu. Pihak sekolah terutamanya Unit HEM (Hal Ehwal Murid) akan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kaunselor untuk melaksanakan sesi”*. Manakala peserta 2 pula memberikan dua situasi yang dihadapinya iaitu prosedur yang telah disediakan baik namun memerlukan kerjasama dari keluarga klien; *“Prosedur yang digariskan adalah baik tetapi terdapat kekangan dimana ibubapa ada yang tidak memberi kerjasama untuk menghantar anak ke C&C (Cure and Care) jika dirujuk”*. Berbeza pula pandangan peserta 6 mengenai prosedur; *“Prosedur tu melambatkan tindakan selanjutnya sebab AADK selalu kata mereka yang akan maklumkan kepada ibu bapa. Jadi kita terpaksa menunggu ibu bapa datang jumpa dengan kita..”*

Analisis dapatan menunjukkan bahawa prosedur yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dan diikuti oleh kaunselor serta mendapat kerjasama daripada pihak yang terlibat. Kajian oleh Nik Hasrawati & Ku Suhaila (2017) menyatakan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mampu merancang dan melaksanakan aktiviti atau program mengikut keperluan pelajar dan bukannya menunggu sesuatu arahan pihak pengurusan. Hanya sebilangan kecil sahaja kaunselor yang berhadapan dengan kekangan untuk mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya kaunselor mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, maka tidak menjadi satu halangan bagi kaunselor menjalani sesi kaunseling di sekolah disebabkan oleh prosedur atau garis panduan yang telah ditetapkan.

Jadual 4: Halangan yang Dialami Ketika Mengendalikan Sesi Bersama Murid (Soalan 3)

	<b>Tema</b>	<b>Peserta</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Klien tidak jujur	1,3,4,6,7	5	71%
2.	Kekangan masa	2,3,5	3	42%

Tema yang terbentuk seperti Jadual 4, temu bual yang telah dijalankan majoriti iaitu 71% menyatakan halangan menjalankan sesi adalah klien tidak jujur. Seperti yang dinyatakan oleh peserta 4; *“.. kesukaran saya ketika mengendalikan sesi bersama dengan murid saya adalah sukar meneroka permasalahan mereka dan mereka boleh memutar belit cerita*

*serta memberi maklumat yang palsu..”*. Hal ini turut disokong oleh peserta 7 yang menyatakan bahawa; *“Mungkin dari segi kefahaman klien tu sendiri. Contoh macam klien tidak menjawab dengan jujur dan kebolehppercayaan cerita mereka”*. Manakala 3 orang iaitu 42% pula menyatakan halangan kaunselor adalah kekangan masa. Kekangan masa ini disebut oleh peserta 2; *“Kekangan masa sebab banyak kes lain-lain dan program lain-lain. Nak panggil mereka pun tengok masa dan subjek, macam subjek yang kritikal memang tidak dapat panggil walaupun guru memberi kebenaran..”*. Peserta 5 turut senada apabila menyatakan; *“Kesukaran yang seterusnya yang dialami ialah kekangan masa klien yang diberikan untuk sesi terlalu singkat di sekolah ..”*.

Hasil dapatan tersebut jelas menunjukkan majoriti kaunselor berhadapan dengan halangan melakukan sesi kaunseling terhadap murid yang positif urin kerana mereka sukar untuk jujur. Kajian Norhayati et al (2018) menyatakan bahawa pengguna dan penagih dadah sedar bahawa penglibatan dengan dadah ini adalah perkara yang salah, tetapi menggunakan mekanisme pertahanan diri penafian (denial) untuk membenarkan perkara tersebut pada diri mereka. Selain itu, kekangan yang lain adalah masa yang begitu terhad sama ada dari kaunselor itu sendiri mahupun murid kerana sesi dijalankan pada waktu persekolahan.

### **Penerimaan Murid Positif Dadah Terhadap Sesi Kaunseling Yang Dijalankan**

Jadual 5: Reaksi Murid Menjalani Sesi Kaunseling Dadah (Dapatan Analisis Soalan 4)

	<b>Tema</b>	<b>Peserta</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Defensif	1,2,3,4	4	57%
2.	Bekerjasama	2,5,6,7	4	57%

Tema yang terhasil dari perincian temu bual pada Jadual 5 adalah menunjukkan murid yang positif urin ini mempunyai sikap yang defensif apabila dipanggil untuk sesi kaunseling. Manakala sebahagian lagi menyatakan sebaliknya iaitu murid tersebut memberi kerjasama sepanjang sesi dijalankan. Tingkah laku defesif ini dinyatakan seperti yang diterangkan oleh peserta 4; *“Semasa sesi, terdapat murid yang memberi reaksi yang ganas, emosi yang tidak stabil, tidak bermaya, muka kurang ceria dan kurang memberi kerjasama yang baik..”*. Peserta 2 pula mengalami kedua-dua reaksi murid; *“Murid memang memberi kerjasama, cuma kadang kala ada murid yang tidak berani berkata benar dan juga*

*bercerita yang sebenar dan ambik masa untuk meneroka.”. Berbeza dengan peserta 5, murid yang menjalani sesi kaunseling memberikan kerjasama sepanjang sesi dijalankan; “ Reaksi murid tiada masalah dan mereka tahu mereka dalam ketagihan. Tidak lah seteruk mana dan boleh dibantu. Mereka paham dan ada usaha untuk keluar dari gejala dadah, tapi atas pelbagai faktor menyebabkan mereka susah nak berubah.”*

Analisis dapatan menunjukkan sebahagian menyatakan murid defensif ketika menjalani sesi kaunseling, manakala sebahagian lagi peserta menyatakan murid tersebut bekerjasama. Hanya seorang sahaja yang menjelaskan terdapat dua jenis murid yang menjadi klien yang boleh bekerjasama dan juga agak defensif, selain itu peserta menyatakan dengan jelas reaksi murid ketika menjalani sesi kaunseling. Kajian oleh Whatcom County (dalam Hong Kian Sam et al., 2011) menyatakan kajian mereka mendapati antara faktor risiko pelajar terjebak dalam penyalahgunaan bahan adalah sikap anti sosial pada awal umur. Oleh itu kaunselor digalakkan untuk menggunakan pendekatan yang menyokong untuk membina rasa kepercayaan murid terhadap kaunselor. Kajian Lasimon Matokrem (2007) menyatakan peranan kaunselor dalam kaunseling penagihan dadah ialah menyediakan sokongan, pendidikan dan konfrantasi secara profesional. Kaunselor perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan klien. Dalam hubungan ini, kaunselor berperanan untuk membimbing klien sekurang-kurangnya pada tahap awal kepulihan, tetapi proses kepulihan adalah hak dan kepunyaan klien.

### **Kompetensi Kaunselor Ketika Melaksanakan Sesi Kaunseling Dadah**

Jadual 6: Limitasi kaunselor Dalam Mengendalikan Sesi Kaunseling Dadah (Dapatan Analisis Soalan 5)

	<b>Tema</b>	<b>Peserta</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Pengetahuan	3,5,7	3	42%
2.	Proses Kaunseling	1,2	2	28%
3.	Kemahiran Kaunseling	3,6	2	28%
4.	Teori	4	1	14%

Jadual 6 menunjukkan tema yang terhasil dari penerokaan limitasi kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling dadah. Yang pertama, sebahagian 42% menyatakan mereka mempunyai batasan pengetahuan mengenai cara mengendalikan sesi kaunseling dadah. 2 peserta masing-masing menyatakan bahawa proses kaunseling dan kemahiran antara

menjadi limitasi untuk sesi kaunseling. Hanya satu sahaja menyatakan teori merupakan batasan beliau. Antara contoh kenyataan bagi pengetahuan adalah seperti peserta 7 berikut; *“Pengetahuan lah antara limitasi saya. Agak kurang mengetahui bagaimana untuk handle murid”*. Proses kaunseling pula dinyatakan oleh peserta 1; *“ dari segi proses memang sukar sebab murid berkisar di satu tempat dan pusing-pusing di situ..”*. Manakala pendapat peserta 6 pula seperti berikut mengenai kemahiran kaunseling; *“ limitasi saya kemahiran kurang sedikit mengenai dadah...”*. Bagi penguasaan teori pula dinyatakan oleh peserta 4 yang menyatakan seperti berikut; *“...sukar untuk mengaplikasikan teori-teori yang bersesuaian supaya murid boleh mendapat celik akal”*

Hasil dapat analisis ini menjelaskan terdapat 4 limitasi yang dihadapi oleh kaunselor disekolah dalam kaunseling penyalahgunaan dadah iaitu pengetahuan, kemahiran kaunseling, proses kaunseling dan juga teori yang digunakan. Pengetahuan menghadapi klien penyalahgunaan dadah amat diperlukan oleh kaunselor sepertimana yang ditekankan oleh Lasimon Matokrem (2007) menyatakan pengetahuan dan kemahiran kaunselor dalam menjalankan sesi-sesi kaunseling banyak bergantung kepada tahap latihan dan bidang ilmu yang relevan yang ada pada dirinya di samping pengalamannya. Hal ini menunjukkan limitasi kaunselor adalah berbeza dan pelbagai bagi mengendalikan sesi kaunseling bersama murid positif urin ini.

Jadual 7: Pengendalian Sesi Kaunseling Dadah (Dapatan Analisis Soalan 6)

	<b>Tema</b>	<b>Peserta</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Intervensi Kaunseling	3,5,6,7	4	57%
2.	Kekerapan sesi			
3.	Menukar teori	4,5	2	28%
4.	Konfrontasi	2,3	2	28%
		1	1	14%

Merujuk kepada Jadual 7 tema utama yang dihasilkan dari intipati temu bual berkaitan dengan perbandingan mengendalikan kaunseling dadah dengan kaunseling tradisional iaitu sebanyak 4 tema yang terhasil. 4 orang iaitu 57% menyatakan intervensi kaunseling digunakan dalam mengendalikan sesi seperti yang disebutkan oleh peserta 3; *“sesi kaunseling dadah lebih berfokus kepada intervensi-intervensi untuk membantu pelajar.”*. 28% peserta pula menyatakan perlunya membuat sesi dengan lebih kerap kepada murid yang terlibat dengan dadah ini

seperti yang disebut oleh peserta 4; *“Kaunseling dadah memerlukan proses masa yang panjang bergantung kepada keadaan fizikal, emosi dan mental murid.”*. Sebahagian kecil kaunselor sekolah menggunakan teori yang spesifik untuk mengendalikan sesi kaunseling seperti yang dinyatakan oleh peserta 3; *“Semasa mengendalikan sesi kaunseling dadah, saya perlu bersedia dari segi pengetahuan mengenai dadah, intervensi-intervensi dan memerlukan teori yang bersesuaian dengan klien yang dikendalikan”*. Hanya seorang menyatakan konfrontasi banyak digunakan untuk mengendalikan sesi seperti yang disebut oleh peserta 1; *“Bagi pengendalian kaunseling dadah, penggunaan konfrontasi perlu lebih ditekankan serta kerana klien akan bersifat mendiamkan diri..”*

Dapatan analisis ini menunjukkan pelbagai pendapat oleh kaunselor sekolah mengenai gaya pengendalian sesi kaunseling penyalahgunaan dadah. Lasimon Matokrem (2007) menyatakan bahawa rawatan dan pemulihan dadah yang berkesan seharusnya berasaskan kepada beberapa prinsip dan panduan antaranya seperti tiada rawatan tunggal yang sesuai untuk semua individu. Tambahnya lagi *treatment setting*, intervensi dan perkhidmatan yang disediakan hendaklah dipadankan dengan masalah dan keperluan tertentu klien untuk memastikan kejayaan mengembalikan fungsi produktifnya dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat yang dirasai dalam mengendalikan kaunseling penyalahgunaan dadah. Selain itu terdapat kajian yang dilakukan oleh Zulkhairi dan Mahmood Nazar (2007) menunjukkan bahawa semakin kerap seseorang klien (penguji) berjumpa dengan kaunselor, ia akan menghasilkan satu bentuk hubungan yang kukuh antara klien dengan kaunselor.

## **RUMUSAN**

Kaunselor sekolah merupakan individu yang sangat penting sebagai individu yang akan menjadi benteng pertama dalam membanteras musuh nombor satu negara ini. Kaunselor adalah lapisan yang pertama yang mendedahkan bahayanya dadah melalui program intervensi serta membantu murid yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah melalui sesi kaunseling. Persepsi persekitaran daripada warga sekolah seperti guru dan murid perlu diambil perhatian agar murid tidak merasa terancam untuk hadir ke sesi kaunseling dan seterusnya mengelakkan daripada sifat defensif murid tersebut. Garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian wajar digunakan dan dipatuhi agar memudahkan pengendalian sesi kaunseling seperti dalam dapatan.

Kaunselor sekolah perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan mengenai dadah agar dapat membantu murid secara efektif dan tidak berulang. Kaunselor sekolah perlu juga melihat dari sudut yang lain seperti yang disarankan oleh Hadijah, Wan Shahrazad, Fauziah & Norulhuda (2018) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kecenderungan situasi berisiko tinggi khususnya emosi negatif, konflik interpersonal dan tekanan sosial perlu diketahui oleh seseorang individu yang sedang berada dalam program rawatan dan pemulihan agar mereka boleh menangani dengan menggunakan strategi daya tindak yang bertepatan dan sesuai. Hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji dapat merumuskan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah mempunyai cabarannya yang tersendiri sama ada daripada diri kaunselor itu sendiri mahupun murid yang terlibat atau faktor-faktor luar perlu diambil perhatian oleh kaunselor.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah. (2008). *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah. Isu dan Prinsip-prinsip Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah: Panduan untuk Kaunselor, Guru, Ibu bapa dan Masyarakat*. USIM, Nilai, Negeri Sembilan.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). Buku Maklumat Dadah 2019. Dicapai daripada <https://www.adk.gov.my/orang-awam/maklumat-dadah/>
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2008). *Laporan Dadah 2008*: Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Ahmad Syukri M. Nain, Paimah Atoma & Rozeyta Omar (2004). Persepsi Penagih, Ibubapa dan Masyarakat Terhadap Dadah. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme*, Universiti Utara Malaysia
- Amla Mohd Salleh. (2001). Latihan Praktikum Di IPTA Malaysia. *Jurnal PERKAMA*. Bil. 9, 119-137.
- Anderson, R. (2007). *Thematic Content Analysis: Descriptive Presentation of Qualitative Data*. Rosemarieanderson.com. Dicapai daripada <http://rosemarieanderson.com/wpcontent/uploads/2014/08/Thematic Content Analysis.pdf>
- Bahr, Stephen J., Hoffmann, John P., Yang, Xiaoyan. (2005). Parental and Peer Influences on the Risk of Adolescent Drug Use. *Journal of Primary Prevention*. 26(6), 529–51.

- Brown, Eric C., Catalano, Richard, Fleming, Charles, Haggerty, Kevin, Abbott, Robert, Cortes, Rebecca, Park, Jisuk. (2005). “Mediator Effects In The Social Development Model: An Examination Of Constituent Theories.” *Criminal Behaviour and Mental Health* 15:221–35.
- Brown, S. A., Myers, M. G., Mott, M. A., & Vik, P. W. (1994). Correlates of Success Following Treatment for Adolescent Substance Abuse. *Applied and Preventive Psychology*, 3(2), 61-73.
- DiClemente, C. C. (1999). Motivation for change: Implications for substance abuse treatment. *Psychological Science*, 10(3), 209–213.
- Hadijah, Wan Shahrazad, Fauziah & Norulhuda. (2018). Faktor-Faktor Penyumbang Kecenderungan Situasi Berisiko Tinggi Dalam Kalangan Penagih Dadah Berulang di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(2), 1-11
- Hong Kian Sam, George T.G.S., Gan S.L., Peter Songan, Abang Ekhsan A.O., Hasbee Hj. Usop, Mohd Razali Othman, Abang Ahmad Ridzuan, Hatta Arabi & Shahren Ahmad Zaidi Aduce (2011). Faktor Sekolah, Sosio Demografi Keluarga, Gaya Keibubapaan dan Identiti Etnik Sebagai Peramal Penyalahgunaan Bahan: Kajian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Sarawak. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 8(2), 136-158.
- Johari Talib. (2009). Profesionalisme Kaunselor Sekolah Rendah, *MALIM Bil. 10*
- Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif. (2003). Sambutan Hari Anti-Dadah Kebangsaan. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklahtpm&id=3273> [20 April 2020]
- Ku Suhaila Ku Johari. (2015). Now To Future: Play Therapy Sebagai Satu Inovasi Untuk Kaunselor Sebagai Profesional Di Seting Sekolah.
- Lasimon Matokrem. (2007). Intervensi Dan Peranan Kaunselor Untuk Menjana KepulihanKlien Sepanjang Hayat. *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, Jilid 1(1) 97-118.
- Mahyuddin Arsat & Azizah Besar (2011). Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Murid Satu Kajian di Pusat Serenti Tang Dua, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9.
- Merikan Aren, Faizah Abd Ghani & Zainal Abidin Zainuddin. (2017). Perkhidmatan Kaunseling di Institusi Penjagaan Kesihatan: Isu

- dan Cabaran Kaunselor di Sarawak. *Jurnal Konseling dan Pendidikan*, 5(3), 172-180.
- Mhd Subhan, Salleh & Wan Syarmiella. (2014). Isu Profesionalisme Kaunselor Dalam Perkhidmtan Kaunseling Sekolah. *International Conference On Global Education Educational Transformation Towards a Developed Country*.
- Mohamed Sharif & Mohd Tajudin. (2003). The Analysis of Counselling in Context: A Quality Case Study Approach to Practise in Malaysia Secondary Schools. *Jurnal PERKAMA*, 10, 111-124.
- Mohammad Nasir Bistamam, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohd Bazlan Mustafa, Noraini Ismail, Samsiah Mohd Jais, Faizura Rohaizad, & Mohd Noor Idris (2015). Profil Tingkah Laku Remaja Berisiko Mengambil Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, Jilid 9 (1),
- Nik Hasrawati Nik Hassan & Ku Suhaila Ku Johari. (2017). Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Di Institusi Pendidikan MARA (IPMa). *Jurnal Psikologi & Kaunseling*. Bil. 8, 139-162
- Norhayati Ibrahim, Rozmi Ismail, Noh Amit, Noordeyana Tambi, Mohd Nasir Selamat, Muhammad Ajib A.R, Nor Azri Ahmad, Nurul Shafini Shafurdin (2018). Perbandingan Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Kesan Dadah Dalam Kalangan Remaja Sekolah Berisiko. *Jurnal Psikologi Malaysia* 38(2), 114-126.
- Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation And Research Methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Puteri Hayati Megat Ahmad & Mohammad Azhar M. Noor (2011). Kaunseling Individu: Strategi Adaptasi Motivational Interviewing, AMI Untuk Pelatih PUSPEN. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 7(1).
- Sapura Sipon (2012). Peranan Kaunselor dan Masalah Keruntuhan Moral Pelajar, Pemimpin Berciri Kaunselor, Menangani Kegawatan Sosial, Bab 8,86-89.
- Sinar Harian. (2019, Januari 4). *Pelajar positif dadah di Sarawak catat jumlah tertinggi*. Dicapai daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/5600/EDISI/SabahSarawak/Pelajar-positif-dadah-di-Sarawak-catat-jumlah-tertinggi>
- Stickel, S.A. (1991). A study of burnout and job satisfaction among rural school counselors. Paper presented at the Annual Conference of the Eastern Educational Research Association, Boston, MA.

- Suradi Salim. (1993). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hadijah Baba, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Fauziah Ibrahim & Norulhuda Sarnon @ Kusenin (2018). Faktor-Faktor Penyumbang Kecenderungan Situasi Berisiko Tinggi Dalam Kalangan Penagih Dadah Berulang Di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 32(2), 26-41.
- Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Keberkesanan Program Kaunseling Rawatan dan Pemulihan Dadah dari Perspektif Penghuni Pusat Serenti. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2), 13-28.